

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Great Yaqeen. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
 Nama Produk : i-Great Yaqeen
 Tarikh : 02/01/2026

1. Apakah produk ini?

i-Great Yaqeen ialah pelan Takaful Bertempoh dengan caruman berkala yang menawarkan perlindungan Takaful dan matang pada umur 80 tahun hari jadi berikutnya. Ia menyediakan perlindungan apabila Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal ("Kejadian yang Dilindungi"). Produk ini juga menyediakan Manfaat Penjagaan Penting tambahan sebanyak RM10,000 sekiranya Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di Unit Rawatan Rapi (ICU) untuk sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- Wakalah:** Kontrak agensi yang mana:
 - Wakalah bi al-ujrah:* caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Akaun Individu Peserta (PIA).
 - Wakalah bi al-Istithmar:* Peserta bersetuju melantik Kami untuk melabur PIA.
- Mudharabah:** Kami bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang mengusahakan Dana *Tabarru'* dan Peserta sebagai Pemilik Modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan bagi Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya. Sebarang kerugian pelaburan akan ditanggung oleh Peserta.
- Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang anda rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan di mana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari Kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jumlah Perlindungan Asas di bawah pelan ini adalah RM500,000.00.

Keterangan	Jumlah dibayar (RM)
Manfaat Penyakit Kritikal Apabila Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana salah satu Penyakit Kritikal ("Kejadian yang Dilindungi") kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, berikut akan dibayar: - Untuk Orang yang Dilindungi berumur 19 tahun hari lahir berikutnya dan ke atas, 100% daripada Jumlah Pembayaran. - Untuk Orang yang Dilindungi Kanak-kanak berumur 18 tahun hari lahir berikutnya dan ke bawah, Had Jumlah Pembayaran sebanyak 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar. Baki akan dibayar apabila berlaku sebarang Kejadian yang Dilindungi apabila Orang yang Dilindungi berumur 19 tahun hari lahir berikutnya dan ke atas. Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, berikut akan dibayar: - Had Jumlah Pembayaran sebanyak 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar, tertakluk kepada maksimum RM25,000 bagi setiap Orang yang Dilindungi. Baki akan dibayar apabila berlaku sebarang Kejadian yang Dilindungi yang lain. Sila rujuk Lampiran untuk Senarai Kejadian yang Dilindungi. <i>Tempoh perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, yang mana berlaku dahulu.</i>	Jumlah Pembayaran: Mana-mana yang tertinggi antara 500,000.00 atau jumlah baki yang tinggal dalam akaun PIA
Manfaat Penjagaan Penting Sekiranya Orang yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di ICU untuk sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut, jumlah sekaligus sebanyak RM10,000 akan dibayar daripada Dana <i>Tabarru'</i> , Manfaat ini boleh dituntut sehingga 2 kali seumur hidup dan Jumlah Perlindungan Asas tidak akan dikurangkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut: Tuntutan seterusnya daripada tarikh tuntutan Manfaat Penjagaan Penting mestilah sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh kejadian tuntutan Manfaat Penjagaan Penting yang pertama.	Setiap tuntutan 10,000 (sehingga 20,000)

Keterangan	Jumlah dibayar (RM)
ii. Tuntutan seterusnya mestilah terhasil daripada kejadian yang berbeza daripada tuntutan Manfaat Penjagaan Penting yang pertama. <i>Tempoh perlindungan: 50 tahun atau selepas penamatan, yang mana berlaku dahulu.</i>	
Manfaat Matang Apabila pelan ini matang, amaun yang tinggal, jika ada, daripada PIA akan dibayar. <i>Matang: Pada penghujung tahun 50.</i>	Nilai Tunai, jika ada.

Nota:

Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila baca Ilustrasi Manfaat dan Sijil yang merangkumi manfaat produk, definisi Penyakit Kritikal dan syarat pembayaran manfaat. Adalah penting untuk memilih pelan yang sesuai dengan keperluan perlindungan anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah caruman yang saya perlu bayar?

- Anggaran Caruman berkala yang anda perlu bayar ialah RM 5,390.00 Tahunan.
- Tempoh Caruman: 50 tahun sepanjang tempoh pembayaran Caruman.

Nota:

- Kadar Caruman adalah diguna pakai bagi risiko standard. Caruman yang anda perlu bayar dan terma Sijil mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Kami.
- Caruman bagi pelan ini adalah Caruman berkala.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- **Caj Pendahuluan** adalah amaun yang ditolak terdahulu dari PIA (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
 - kos pengagihan langsung termasuk komisen pengantara; dan
 - perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM10.
 Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Ilustrasi Manfaat untuk maklumat mengenai Caj Pendahuluan.
- **Tabarru'** akan ditolak secara bulanan daripada PIA, sebagai tujuan menyediakan perlindungan dan menampung tuntutan ke atas kejadian/risiko yang dilindungi di bawah Sijil Takaful. *Tabarru'* mungkin akan meningkat mengikut umur anda. Kadar *Tabarru'* dan Caruman mungkin berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya, jantina, status perokok dan kelas pekerjaan, jika berkenaan, pada setiap ulang tahun Sijil. Huraian *Tabarru'* dan caj lain bagi pelan ini dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat dan/atau sijil. *Tabarru'* dan Caruman mungkin tidak dijamin dan boleh berubah dari semasa ke semasa. Kami berhak untuk mengubah *Tabarru'* dan Caruman dengan memberi notis 30 hari (untuk manfaat Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT)) dan 3 bulan (untuk selain daripada manfaat MHT) secara bertulis terlebih dahulu, di mana perubahan tersebut (jika ada) adalah bertujuan berdasarkan pengalaman tuntutan Kami, atau keadaan lain yang dibenarkan. Perubahan-perubahan ini akan diguna pakai untuk semua sijil tidak mengira pengalaman tuntutan individu.
- **Caruman** yang dinyatakan dalam Soalan 4 di atas mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika berkenaan.

Nota:

Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj di bawah pelan ini.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

Terma & Syarat Am

- **Kepentingan untuk Membuat Pendedahan** - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dalam masa 15 hari setelah menandatangani Resit Pengakuan atau e-Pengakuan setelah menerima Sijil atau e-Sijil (yang mana berkenaan), melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan membayar balik Caruman setelah ditolak sebarang bayaran perubatan, jika ada, untuk pemeriksaan perubatan.
- **Tempoh Tenggag** - anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh caruman berikut yang perlu dibayar untuk membayar Caruman.
- **Sijil Luput** - sijil akan luput apabila nilai PIA tidak mencukupi untuk membayar *Tabarru'* dan caj lain.
- **Nilai Tunai** - baki dalam PIA, jika ada untuk Sijil ini. Nilai Tunai akan dibayar apabila apabila kematian Orang yang Dilindungi atau penamatan sijil.
- **Prosedur Tuntutan** - borang tuntutan boleh didapati dari laman web Kami. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Sekiranya berlaku tuntutan, adalah dinasihatkan untuk memberitahu Kami serta merta.
- **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk perlindungan penyakit kritikal akan bermula 30 atau 60 hari (bergantung kepada jenis penyakit kritikal) selepas tarikh berkuat kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula sijil ini, mana yang kemudian.
- **Tempoh Kelangsungan Hidup** - Manfaat Penyakit Kritikal dan Penjagaan Penting akan dibayar selepas Orang yang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya 7 hari selepas hari diagnosis penyakit kritikal.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- **Manfaat Penyakit Kritikal dan Penjagaan Penting:**
 - (i) sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
 - (ii) disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- **Manfaat Penjagaan Penting:**
 - (i) sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang timbul dalam tempoh 30 hari pertama dari tarikh permulaan risiko sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian kecuali untuk kecederaan akibat kemalangan; atau
 - (ii) ketagihan alkohol, tekanan, ubat-ubatan terlarang, intoksikasi, penyakit kelamin dan gejala yang berkaitan dengannya, kehamilan, kelahiran anak (kelahiran secara pembedahan), keguguran, penguguran dan rawatan sebelum melahirkan atau setelah melahirkan dan kaedah kontrasepsi bedah, mekanik atau kimia dari kawalan kelahiran atau rawatan yang berkaitan dengan ketidaksuburan, alat kelamin tidak berfungsi dan ujian atau rawatan berkaitan dengan impotensi atau pemandulan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Menyertai pelan Takaful keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar Caruman dalam Tempoh Tenggang selama 30 hari, Sijil anda mungkin luput. Nilai tunai terkumpul yang mungkin anda terima apabila anda membatalkan sijil sebelum tempoh matang mungkin kurang daripada jumlah Caruman keseluruhan yang anda telah bayar.

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda dengan sepatutnya. Anda juga boleh membuat dan mengemaskini perhubungan anda melalui portal pelanggan dalam talian kami, *i-Get In Touch* di igetintouch.greateastertakaful.com.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Keluarga dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern,
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8338

Faks : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mel : i-greatcare@greateastertakaful.com

Laman Web : www.greateastertakaful.com

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi pengantara anda atau terus menghubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

MENYERTAI PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH SIJIL YANG MENEPATI KEPERLUAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA JUMLAH CARUMAN DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU BAYAR. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada 02/01/2026.

Note: Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up i-Great Yaqeen. Be sure to also read the general terms and conditions.

Name of Financial Service Provider : Great Eastern Takaful Berhad ("Takaful Operator", "Us", "We", "Our")
 Name of Product : i-Great Yaqeen
 Date : 02/01/2026

1. What is this product about?

i-Great Yaqeen is a regular contribution Term Takaful plan that offers Takaful protection and matures at age 80 years next birthday. It provides coverage upon the Person Covered being diagnosed with any one of the Critical Illnesses ("Covered Events"). This product also provides an additional Essential Care Benefit of RM10,000 in the event of hospitalisation of the Person Covered in the Intensive Care Unit (ICU) for a minimum of 5 consecutive days.

2. What are the Shariah concepts applicable?

- **Wakalah:** The contract of agency where:
 - (i) *Wakalah bi al-ujrah:* The charge imposed upfront according to the percentage of Contribution paid as Participant appoints Us to manage *Tabarru'* Fund. The amount will be deducted from Participant's Individual Account (PIA).
 - (ii) *Wakalah bi al-Istithmar:* The Participant agreed to appoint Us to invest the PIA.
- **Mudharabah:** We acting as an Entrepreneur (*Mudharib*) that invests the *Tabarru'* Fund and Participants as Capital Provider (*Rabbul Mal*). In return, We will share the profit with the Participant on the investment return of *Tabarru'* Fund based on pre-agreed ratio of 50:50 respectively. Meanwhile, any investment loss are to be borne by the Participants.
- **Tabarru':** A portion of Contribution allocated into the *Tabarru'* Fund as donation that you willingly relinquish in order to help and provide assistance to fellow Participants in need.
- **Ju'alah:** Compensation for a given service, where the Participants will share the Underwriting Surplus with Us based on a pre-agreed ratio of 50:50 respectively which is distributed after each financial year, if any.
- **Qard:** An interest-free loan provided by Us in the event of deficit in the *Tabarru'* Fund. The *Qard* is repayable from the future Underwriting Surplus of the *Tabarru'* Fund.

3. What are the covers / benefits provided?

The Basic Sum Covered under this plan is RM 500,000.00.

Description	Amount Payable (RM)
Critical Illness Benefit Upon the Person Covered diagnosed with any one of the Critical Illnesses ("Covered Events") except Angioplasty and Other Invasive Treatments for Coronary Artery Disease, following will be payable: • For Person Covered age 19 years next birthday and above, 100% of Total Payout. • For Child Person Covered age 18 years next birthday and below, Total Payout cap at 50% of Basic Sum Covered will be payable. The balance shall be payable upon occurrence of any Covered Events when Person Covered age 19 years next birthday and above. For Angioplasty and Other Invasive Treatments for Coronary Artery Disease, following will be payable: • Total Payout cap at 10% of Basic Sum Covered will be payable, subject to a maximum of RM25,000 per Person Covered. The balance shall be payable upon occurrence of other Covered Events. Please refer to the Appendix for the List of the Covered Events. <i>Duration of cover: 50 years or upon termination, whichever occurs first.</i>	Total Payout: Higher of 500,000.00 or total balance left in PIA account
Essential Care Benefit In the event of hospitalisation in the ICU by the Person Covered for a minimum of 5 consecutive days, a lump sum of RM10,000 shall be payable from the <i>Tabarru'</i> Fund. This benefit is claimable up to 2 times per lifetime and BSC will not be accelerated, subject to the following conditions: i. The subsequent Essential Care Benefit claim event date must be at least 12 months from the first Essential Care Benefit claim event date. ii. The subsequent claim must be resulted from a different event from the first Essential Care Benefit claim. <i>Duration of cover: 50 years or upon termination, whichever occurs first.</i>	10,000 per claim (up to 20,000)
Maturity Benefit Upon maturity of this plan, the amount left, if any, from the PIA will be payable. <i>Maturity: At the end of the 50th year.</i>	Cash Value, if any.

Note:

Terms and conditions apply. Please read the Benefit Illustration and Certificate which include product benefits, definition of the Critical Illnesses and conditions of benefit payment. It is important to select a plan that suit your protection needs.

The benefit(s) payable under eligible certificate/product is protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System (TIPS) Brochure or contact Great Eastern Takaful Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

4. How much Contribution do I have to pay?

- The estimated regular Contribution that you have to pay is RM 5,390.00 Yearly.
- Contribution duration: 50 years.

Notes:

- The Contribution rate is applicable to standard risks. The Contribution and Certificate terms may vary depending on Our underwriting requirement.*
- The Contribution for this plan is a level Contribution throughout Contribution payment term.*

5. What are the fees and charges that I have to pay?

- **Upfront Charge** is the amount deducted upfront from the PIA (as a percentage of Contribution paid less Service Tax and/or other taxes, if any), which consist of:
 - the direct distribution cost including intermediary's commission and
 - the management expenses for administration of your certificate, including stamp duty of RM10.
 You are advised to refer to the Benefit Illustration for the details on Upfront Charge.
- **Tabarru'** is deducted monthly from the PIA, for the purpose of providing protection and meeting claims on the events/risks covered under the Takaful Certificate. The *Tabarru'* may increase as you grow older. The *Tabarru'* and Contribution rates vary by attained age next birthday, gender, smoker status and occupation class, where applicable, at each certificate anniversary. Details of *Tabarru'* and other charges for this plan are given in the Benefit Illustration and/or certificate. The *Tabarru'* and Contribution may be non-guaranteed and may vary from time to time. We reserve the right to revise the *Tabarru'* and Contribution by giving at least 30 days (for Medical and Health Takaful (MHT) benefit) and 3 months (for other than MHT benefit) prior written notice, where the revision (if any) will aim to reflect Our claim experience, or other justified circumstances. Such changes will be applicable to all certificates regardless of the individual claim experience.
- **Contribution** quoted in Question 4 above may be subjected to service tax and/or other tax(es), if applicable.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for more details on the fees and charges under this plan.

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

General Terms & Conditions

- **Importance of Disclosure** - you must disclose all material facts such as your medical conditions and state your age correctly.
- **Free-Look Period** - you may cancel your Takaful Certificate within fifteen (15) days after signing the acknowledgement or e-acknowledgement receipt upon receiving the Certificate or e-Certificate (where applicable), by way of a written notice to Us. We shall refund the Contribution paid less the medical expenses incurred for the medical examinations, if any.
- **Grace Period** - a grace period of 30 days from each Contribution due date is given for you to pay the Contributions.
- **Certificate Lapse** - the certificate will lapse when the PIA value is insufficient to pay for the *Tabarru'* and other charges.
- **Cash Value** - the balance in the PIA, if any for this certificate. Cash Value will be payable upon death of the Person Covered or termination of the certificate.
- **Claims Procedures** - claims forms can be obtained from Our website. Proof of claim must be accepted and approved by Us to facilitate payment of any benefit. In the event of claim, it is advisable to notify Us immediately.
- **Waiting Period** - the eligibility for critical illness coverage will start only 30 days or 60 days (depending on the type of critical illness) after the effective date or reinstatement date of the certificate, whichever is later.
- **Survival Period** - the Critical Illness and Essential Care Benefits will be payable after the Person Covered survives at least 7 days after the day of diagnosis of critical illness.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the terms and conditions under this plan.

7. What are the major exclusions under this Certificate?

- Critical Illness and Essential Care Benefit
 - has existed prior to or on the Effective Date or on the date of any reinstatement, whichever is the later; or
 - caused directly or indirectly by self-inflicted injuries, while sane or insane.
- Essential Care Benefit
 - any medical or physical conditions arising within the first 30 days of the certificate risk commencement date or reinstatement date, whichever is later except for accidental injuries; or

- (ii) alcoholism, depression, illegal drugs, intoxication, venereal disease and its sequelae, pregnancy, child birth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility, Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate for the full list of limitations and exclusions under this plan.

8. Can I cancel my Certificate?

Yes, you can cancel your certificate by giving written notice to Us. However, it is not advisable to hold this plan for a short period of time in view of the high initial cost. Participating in a Family Takaful plan is a long-term financial commitment. If you do not pay your Contributions within the Grace Period of 30 days, your certificate may be terminated. The accumulated cash value that you may get when you cancel the certificate before maturity period will be much lesser than the amount of Contribution that you have paid.

9. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform Us of any change in your contact details to ensure all correspondences reach you in a timely manner. You may also do and update your contact details via our online customer portal *i-Get In Touch* at igetintouch.greateasterntakaful.com.

10. Where can I get further information?

Should you require additional information about the above Family Takaful and Medical and Health Takaful, please refer to www.mycoverage.my.

If you have any enquiries, please contact Us at:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(A Takaful Operator registered under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Head Office : Level 3, Menara Great Eastern,
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : (603) 4259 8338

Fax : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mail : i-greatcare@greateasterntakaful.com

Website : www.greateasterntakaful.com

11. Other similar types of cover available

You may check with your intermediary or contact Us directly for other similar types of cover currently available.

IMPORTANT NOTICE:

PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF CERTIFICATE THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THE CONTRIBUTION PAYABLE UNDER THE CERTIFICATE IS THE AMOUNT THAT YOU CAN AFFORD. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE INTERMEDIARY OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

If there is any discrepancy between English and Bahasa Malaysia versions of this Product Disclosure Sheet, the English version shall prevail.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 02/01/2026.